



# Dua **punca** aliran

Oleh Mohd Fauzi Abdullah  
dan Raja Norain Hidayah Raja  
Abdul Aziz  
am@hmetro.com.my  
**Bentong**

**P**ihak berkaitan diminta mencari punca sumber aliran air deras yang menyebabkan kejadian banjir lumpur di Kilometer 52.4, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, di sini, Rabu lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau difahamkan kejadian itu disebabkan aliran air deras daripada dua punca berlainan.

“Air deras yang membawa lumpur dan kayu hingga menyebabkan kuarters Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Lentang ro-



**LOKASI** kolam takungan air yang musnah dalam kejadian banjir.

sak datang dari sumber lain.

“Manakala yang turun ke lebuhraya daripada punca

lain, namun air ini mengalir ke sungai sama iaitu Sungai Benus,” katanya ketika ditemui selepas melakukan

tinjauan ke kawasan tadahan air Hutan Simpan Lentang, di

sini, yang terjejas dalam kejadian banjir lumpur itu, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, dia sudah mengarahkan JPNP dibantu anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia untuk mengenal pasti sumber aliran air deras terbabit.

“Selepas melakukan tinjauan tadi (semalam), inilah yang boleh saya katakan iaitu punca sumber air ini perlu diketahui bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian itu.

“Untuk perkara lain, biarlah pihak berkaitan melakukan tugas mereka,” katanya.

**“Kejadian itu disebabkan aliran air deras daripada dua punca berlainan”  
Shahidan Kassim**